

25 NOV 2002

Hishammuddin-Latihan

PEMUDA UMNO BUAT FASA KEDUA LATIHAN UNTUK PEMIMPINNYA

TELUK INTAN, 25 Nov (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan fasa kedua program latihan bagi pemimpinnya di semua peringkat sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, latihan kali ini akan menumpukan kepada naib-naib ketua, setiausaha dan ahli jawatankuasa di peringkat bahagian.

Semua ketua pemuda bahagian telahpun menghadiri fasa pertama latihan dua bulan lepas di mana pelbagai perbincangan dan ceramah diadakan oleh para pemimpin parti, termasuk Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita mahu mereka menghayati perjuangan parti dan tidak ragu-ragu mewarisi apa yang dilakukan oleh para pemimpin lepas dan sedia ada," katanya selepas berbuka puasa bersama penduduk tempatan di Masjid Chenderong Balai dekat sini, malam tadi.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pengangkutan dan Ahli Parlimen Pasir Salak Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Ketua Pemuda Perak, Datuk Dr Zambray Abdul Kadir.

Hishammuddin berkata, program ini akan memberi penekanan kepada usaha memperkuat identiti seseorang anggota Umno dan memberi maklumat mengenai isu-isu terbaru seperti kontroversi berhubung pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Program latihan ini kemudiannya akan diperluaskan kepada ahli-ahli Pemuda di seluruh negara bagi membolehkan mereka bersiap-sedia mengerakkan bilik-bilik operasi pilihan raya dan menghadapi pembangkang.

Beliau juga berkata, Pemuda Umno akan bekerjasama dengan pergerakan Pemuda parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) bagi memperjelaskan pelbagai tuduhan yang timbul berhubung isu bahasa itu.

Biro-biro pendidikan parti komponen Pemuda BN akan mengadakan mesyuarat esok (Isnin) untuk membincangkan perkara itu dan mencari jalan mengatasi kekeliruan yang timbul.

Hishammuddin berkata, pertubuhan-pertubuhan yang menentang isu itu tidak sepatutnya bertindak secara melampau untuk kepentingan mereka.

-- BERNAMA

AR PR